

IORA'



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

أقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

HARI
PUSTAKAWAN
2021



Bicara Hari Pustakawan 2021
PUSTAKAWAN MUDA & NORMA BAHRU

LIVE^{HD}

LIVE@PTAR

**Islam Dalam Perlembagaan
Persekutuan**

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 6

Wallace and Mary Brown decided to start their own church. Situated in the middle of three large housing estates on the outskirts of Birmingham, with children from all around playing outside, they saw their community as a place where God could be worshipped.

Silence No More

PTAR Cawangan Rembau - muka 10

With refreshing honesty about the hard times as well as the rewarding times, this is the gripping story of how a small, defensive fellowship became a thriving church able to plant a new congregation in a neighbouring district.

Cat Parenting 101

PTAR Cawangan Tapah - muka 21

"When people tell their stories as Wallace and Mary have done, we have a rich resource of data and advice that we can tap into."

WEBINAR

Cyberbully

PTAR Cawangan Rembau - muka 11

BICARA HARI PUSTAKAWAN

Pustakawan Muda & Norma Baharu

PTAR Cawangan Sarawak - muka 24

Apakah Peranan Pustakawan?

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) komited dalam menyediakan koleksi yang berimpak kepada pengguna seperti Pangkalan Data Atas Talian (PDAT). Pada pandangan puan, apakah peranan Pustakawan dalam memastikan penggunaan PDAT berada di tahap yang maksimum?

“

Perpustakaan memainkan peranan yang penting dalam menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Pelbagai sumber rujukan dan PDAT boleh dirujuk oleh pengguna terutama dalam menyokong sesi pembelajaran secara ODL (Online Distance Learning). Antara strategi yang telah dilakukan oleh Pustakawan dalam memastikan penggunaan PDAT berada di tahap maksimum dengan mengadakan Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) di mana perpustakaan mensasarkan pelajar setiap semester menerusi pensyarah atau melalui LO Fakulti. Aktiviti Online Quiz juga diadakan yang memerlukan pelajar download artikel PDAT seperti Emerald Insight dan Science Direct. Pustakawan juga mengadakan webinar / latihan penggunaan PDAT kepada para pelajar, pensyarah dan penyelidik. Pustakawan juga membuat hebahan promosi besar-besaran menerusi semua platform rasmi PTAR termasuk media sosial dan mendapat maklumbalas yang sangat baik daripada pengguna. Pustakawan mengadakan program Library Outreach ke Fakulti bagi mempromosi perkhidmatan perpustakaan digital kepada Pengurusan Tertinggi dan Pensyarah, di samping mempromosi artikel PDAT mengikut subjek Fakulti. Pustakawan juga mengadakan sinergi dengan fakulti/bahagian bagi peningkatan akses penggunaan PDAT dan eBook melalui latihan. Pustakawan juga mengadakan projek taskforce di mana staf perpustakaan perlu memuat turun artikel PDAT mengikut sasaran yang ditetapkan. Strategi dan inisiatif yang pelbagai ini dapat membantu pelajar, pensyarah dan penyelidik dalam menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti melalui penggunaan sumber rujukan PDAT yang berimpak tinggi.

Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:

Kerjaya sebagai Pustakawan bermula pada tahun 1997 di Pusat Persediaan Pendidikan (PPP) yang sekarang dikenali sebagai INTEC Education College, Shah Alam. Alhamdulillah dan syukur kepada Allah S.W.T kerana diberi peluang bertugas di Unit Rujukan, Unit Katalog dan Unit Perolehan dan telah mendapat bimbingan dan tunjukajar yang baik daripada mantan ketua - ketua bahagian. Bertugas di Unit Katalog dan Kelas adalah unit yang paling lama saya berkhidmat. Pengalaman sebagai cataloger di Unit Katalog amat menarik kerana dapat menyumbang kemahiran mengkatalog dan mengelas bahan - bahan perpustakaan agar dapat dirujuk oleh pengguna, dapat melahirkan subject librarian yang cekap dan menjadi pakar rujuk katalog. Semoga ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ada ini akan dapat membantu dalam menjalankan tugas dengan penuh berintegriti, bertanggungjawab, cekap dalam menjadikan PTAR UiTM Cawangan Melaka berdaya saing, produktif dan cemerlang demi mencapai misi dan visi universiti.



KENALI PUSTAKAWAN

ANDA

29